“Apa sahaja perkara yang aku larang kamu daripadanya maka jauhilah. Dan apa sahaja yang aku perintahkan kamu lakukannya, maka laksanakanlah ia menurut kemampuan kamu

Daripada Abu Hurairah, Abdul Rahman bin Sakhr رضي الله عنه, beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah bersabda: “Apa sahaja perkara yang aku larang kamu daripadanya maka jauhilah. Dan apa sahaja yang aku perintahkan kamu lakukannya, maka laksanakanlah ia menurut kemampuan kamu. Sesungguhnya yang membinasakan orang-orang sebelum kamu ialah banyaknya pertanyaan mereka dan perselisihan mereka terhadap nabi-nabi mereka.”

[صحيح] [رواه البخاري ومسلم]

Rasulullah صلى الله عليه وسلم menerangkan kepada kita bahawa apabila baginda melarang kita daripada sesuatu perkara, maka kita wajib menjauhinya tanpa pengecualian. Apabila baginda memerintahkan kita dengan sesuatu perkara, maka hendaklah kita melaksanakannya mengikut kemampuan kita. Kemudian baginda memberi peringatan kepada kita agar tidak menjadi seperti sebahagian umat terdahulu yang terlalu banyak bertanya kepada nabi-nabi mereka serta menentang perintah mereka. Akibatnya, Allah menghukum mereka dengan pelbagai bentuk kebinasaan dan kehancuran. Oleh itu, semestinya kita tidak menjadi seperti mereka supaya kita tidak ditimpa kebinasaan sebagaimana mereka binasa.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/66517